



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

28 Syawal 1441 / 20 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu, 28 Syawal 1441H bersamaan 20 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang.**
2. Sementara itu, pada masa ini semua kontek kes yang telah menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 telahpun menamatkan tempoh kurantin di mana jumlah keseluruhannya ialah seramai **2,823 orang.** Walau bagaimanapun, terdapat 263 orang yang sedang menjalani pengasingan diri mandatori di pusat-pusat pemantauan yang

disediakan oleh Kerajaan iaitu mereka yang baru tiba ke negara ini setelah melakukan perjalanan dari luar negara. Setakat ini, seramai **2,515** orang telah menamatkan pengasingan diri mandatori di kemudahan-kemudahan berkenaan.

3. Manakala, dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 56 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 26,251 ujian.

4. Berikutan makluman mengenai ***BruHealth App***, Alhamdulillah setakat ini seramai **393,033 ahli** telah mendaftar ke dalam aplikasi tersebut. Bagi syarikat dan premis pula sejumlah **10,017** telah mendaftar kepada aplikasi BruHealth. Manakala, berkenaan **aplikasi premiseScan** pula, **sejumlah 5,459 telah dimuat turun oleh 4,116 premis perniagaan.**

5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu

www.moh.gov.bn atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Syawal 1441H / 20 Jun 2020